KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JABATAN HUTAN SARAWAK			

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kota Samarahan



ANGGOTA SFC menangkap seekor buaya di sekitar Kota Samarahan.

Beribu buaya ancam nelayan

Samarahan Crocodile Hunter ditubuhkan bantu penduduk jadi mangsa sang bedal

Bilangan kes serangan buaya yang membimbangkan di daerah ini menjadi inspirasi kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Muara Tuang Datuk Idris Buang untuk menubuhkan *Samarahan Crocodile Hunter*.

Idris berkata, *Samarahan Crocodile Hunter* ditubuhkan pada Disember 2020.

Kata beliau, inisiatif itu diambil berikutan jumlah kes serangan buaya yang direkodkan di Sungai Samarahan yang mencatatkan purata tiga kes setiap bulan.

"Di Sungai Samarahan, dianggarkan ada beribu buaya yang mengancam nyawa nelayan yang mencari pendapatan harian di sungai ini. Malah, ada beberapa kampung berada di laluan sungai berkenaan.

"Melihat kepada kepentingan ini, saya memutuskan untuk menubuhkan *Samarahan Crocodile Hunter* yang menjadi persatuan yang dikendalikan Pusat Khidmat Adun Muara Tuang selepas mendapat persetujuan Ketua Menteri Tan Sri Abang Johari Abang Openg," katanya.

Idris berkata, penubuhan *Samarahan Crocodile Hunter* turut dapat membantu penduduk yang menjadi mangsa serangan buaya yang trauma.

"Ada mangsa yang kehilangan anggota badan seperti putus tangan selain ada yang meninggal dunia. Saya sendiri mengenali seorang mangsa yang meninggal dunia akibat diserang buaya di Kampung Meranek.

"Mangsa ini selalu menjala udang di sungai. Dua minggu sebelum kejadian yang meragut nyawanya itu, rakan mangsa turut diserang buaya, namun dia hanya cedera di tangan," katanya.

Menurut Idris, *Samarahan Crocodile Hunter* berjaya menyelesaikan beberapa kes serangan buaya yang dilaporkan di kawasan berkenaan apabila berhasil mengesan reptilia terbabit.

"Bagi tempoh sepanjang 2021, kami berjaya menahan kira-kira 20 buaya dengan buaya terbesar yang ditangkap sepanjang 4.8 meter seberat hampir satu tan di Kampung Meranek.

"Kami gunakan tiga bot bagi memantau sungai selain menggunakan umpan untuk menangkap buaya, sama seperti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan *Sarawak Forestry Corporation* (SFC)," katanya.

Kata Idris, *Samarahan Crocodile Hunter* terdiri daripada enam ahli tetap yang berpengalaman untuk memainkan peranan masing-masing sebagai penembak, mengalirkan umpan, mengendalikan bot dan lain-lain tugas memburu buaya di kawasan itu.

"Jika kami terima kes, pasukan ini akan ke lokasi untuk menyiasat dari mana arah buaya itu datang sebelum mengalirkan umpan selepas rondaan serta pemantauan dilakukan.

"Ada di antara buaya yang ditangkap *Samarahan Crocodile Hunter* dibunuh sebelum ditanam. Buaya yang hidup pula akan diserah kepada SFC," katanya.